



22 MAY, 2024

Mat Sabu hadiri majlis pengebumian Raisi

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2



Anwar ketika berhubung dengan Mokhber menerusi panggilan telefon pada Selasa.

Mat Sabu hadiri majlis pengebumian Raisi

PUTRAJAYA - Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu akan mewakili Malaysia ke Iran bagi menghadiri majlis pengebumian Presiden Ebrahim Raisi.

Perkara itu dimaklumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika menghubungi Presiden Interim Iran, Mohammad Mokhber bagi merakamkan ucapan takziah.

Menerusi hantaran di laman sosial pada Selasa, Anwar mengimbau pertemuan sebanyak dua kali dengan Allahyarham Raisi dan Menteri Luar Iran, Allahyarham Hossein

Amir-Abdollahian pada tahun lepas di New York dan Riyadh.

"Saya telah memberi jaminan kepada Mokhber bahawa Malaysia akan meneruskan komitmen yang dibuat kepada Iran di bawah kepimpinan Almarhum Presiden sebelum ini," katanya.

Ujar beliau, Mokhber merakamkan penghargaan kepada Malaysia di atas perutusan budi dan takziah.

"Beliau turut berduka di atas kehilangan dua orang kenamaan besar dalam kemalangan tragis dan malang itu selain meninggalkan pengaruh yang sangat kuat di Iran.

"Di akhir perbualan, beliau mem-

beri jaminan hubungan baik dan kerjasama dengan Malaysia akan tetap dipelihara," katanya.

Raisi ditemukan maut bersama Amir-Abdollahian pada Isnin selepas helikopter dinaiki mereka terhempas di kawasan pergunungan di barat laut Iran.

Menurut agensi berita Iran, *IRINN* dan *Mehr News*, tiada mangsa yang terselamat ditemui di lokasi nahas helikopter itu.

Reuters melaporkan, seorang pegawai kerajaan Iran memaklumkan bahawa helikopter yang hilang itu ditemui terbakar sepenuhnya.



22 MAY, 2024

Mat Sabu hadiri majlis pengebumian Raisi

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Anwar ketika berhubung dengan Mokhber menerusi panggilan telefon pada Selasa.

PUTRAJAYA - Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu akan mewakili Malaysia ke Iran bagi menghadiri majlis pengebumian Presiden Ebrahim Raisi. Perkara itu dimaklumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika menghubungi Presiden Interim Iran, Mohammad Mokhber bagi merakamkan ucapan takziah.